

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 7 MAC 2022  
AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 6

## 20 majikan tawar 5,000 pekerjaan

### Peluang sertai pelbagai industri dalam Karnival Kerjaya Keluarga Malaysia di Johor

# 20 majikan tawar 5,000 pekerjaan

Oleh MOHD. SHARKAWI LONDING

**PONTIAN** – Sebanyak 20 majikan menawarkan 5,000 kekosongan jawatan dalam pelbagai industri di seluruh negara pada Karnival Kerjaya Jamin Kerja Keluarga Malaysia 2022 Peringkat Negeri Johor.

Karnival kerjaya itu sebagai usaha Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) untuk menawarkan peluang pekerjaan secara langsung kepada orang ramai khususnya di daerah Pontian dan kawasan sekitarnya.

Perkeso dalam kenyataan menyatakan, program itu juga merupakan sebahagian daripada inisiatif Jamin Kerja–Insentif Penggajian (JKIP), iaitu satu daripada tiga komponen di bawah inisiatif Jamin Kerja Keluarga Malaysia yang diumumkan dalam Bajet 2022.

Dengan peruntukan sebanyak RM2 bilion, JKIP bermatlamat merangsang majikan mencipta pekerjaan dan membuat



**ISMAIL SABRI** (empat dari kanan) memasukkan plak sebagai gimik Perasmian Karnival Kerjaya Jamin Kerja Keluarga Malaysia 2022 Johor di Dewan Jubli Intan Sultan Ibrahim, Pontian semalam. – RAJA JAAFAR ALI

pengambilan pekerja baharu dengan sasaran 300,000 pekerja sepanjang tahun 2022.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob merasmikan

karnival tersebut yang berlangsung di Dewan Jubli Intan Sultan Ibrahim, Pontian semalam.

Turut hadir pada majlis perasmian tersebut ialah Menteri

Besar, Datuk Seri Ir. Hasni Mohammad, Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M. Saravanan dan Ketua Eksekutif Perkeso, Datuk Seri Dr. Mohammed Azman Aziz.

Karnival tersebut menyediakan pelbagai perkhidmatan pekerjaan kepada pencari kerja seperti bantuan pendaftaran Portal Pekerjaan Negara - MYFutureJobs, sesi kaunseling kerjaya, bantuan penyediaan resume dan sesi temu duga terbuka bersama majikan.

Karnival diadakan sepenuhnya secara fizikal itu berlangsung di tiga lokasi bermula 3 Mac di Johor Bahru, 5 Mac di Mersing dan 6 Mac di Pontian.

Antara jawatan yang ditawarkan adalah jurutera, juruteknik, juruukur bahan, tukang masak, cef, kru restoran, pembantu klinik, pengurus akaun dan pegawai pemasaran, kerani serta perantis.

Majikan yang menawarkan peluang-peluang pekerjaan pula terdiri daripada sektor awam termasuk agensi kerajaan seperti Unit Pelaksanaan dan Koordinasi Stimulus Ekonomi Antara Agensi Nasional (Laksana), Perkeso, HRD Corp serta syarikat swasta.